

BAB LIMA

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

Pengenalan

Dalam bab ini, terdapat tiga perkara utama yang diberikan penjelasan. Ia meliputi perbincangan bagi setiap hasil dapatan dari modul, rumusan yang menyentuh perkara berkaitan kelemahan pelajar dan cara peningkatan penguasaan tajwid dan akhir sekali cadangan-cadangan yang dirasakan dapat membantu meningkatkan kemahiran penguasaan tajwid dan seterusnya pembacaan al-Quran dikalangan pelajar.

Perbincangan

Bahagian ini merupakan perbincangan berdasarkan hasil dapatan dari kajian dan dibahagikan kepada beberapa bahagian berpandukan kepada dapatan soal selidik serta temubual dengan para pelajar. Walau bagaimanapun dari perkara-perkara yang dinilai, penyelidik hanya akan mengambil beberapa item sahaja untuk perbincangan.

i. Penilaian umum dalam pembelajaran.

Item-item yang berkaitan dengan penilaian umum dalam pembelajaran ini terbahagi kepada empat yang berkaitan: Adakah topik hukum tajwid tersebut penting?, adakah maklumat yang diberikan mengikut konsep?, adakah penerangan yang diberikan bersistematik? dan adakah latihan yang diberikan menggalakkan pelajar berfikir dan menguasai topik?. Penyelidik hanya mengambil beberapa item untuk perbincangan :

i. Kepentingan topik dalam pembelajaran tajwid

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mengakui bahawa topik yang diberikan merupakan topik yang penting dalam pembelajaran tajwid. Ini kerana bagi pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima topik ini termasuk dalam salah satu soalan yang berkaitan dengan tajwid dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Ia juga termasuk dalam sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan empat dan lima KBSM. Walau bagaimanapun berdasarkan temubual mereka mengatakan kesukaran mereka menguasai topik tersebut kerana tidak memberi perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Jika ada permasalahan yang timbul mereka merasa malu untuk bertanya guru disebabkan rasa rendah diri terhadap pelajar yang lebih cepat menguasai tajuk tersebut.

- ii. Penerangan yang disampaikan dalam modul ini tahap demi tahap dan bersistematik.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mengatakan penyampaian dan penerangan yang diberikan dengan menggunakan modul amat baik. Mereka menyatakan setiap kandungan yang terdapat dalam modul yang diterangkan adalah secara berperingkat-peringkat dari tahap mudah ke tahap yang agak sukar dan seterusnya. Kesemuanya mempunyai kesinambungan antara satu sama lain berbanding dengan pengajaran dalam kelas dengan menggunakan papan hitam, responden mengatakan mereka sukar mengikuti pengajaran guru disecara terus dalam kelas berdasarkan pengajaran di papan hitam kerana pada waktu yang

sama mereka terpaksa mengambil nota mengenai apa yang diajar dan mereka cuba memahaminya. Ini menyukarkan mereka, akibatnya kesan pembelajaran menjadi terbantut serta membosankan menyebabkan mereka belajar sambil lewa sahaja.

- iii. Aktiviti dan latihan menggalakkan pelajar berfikir dan menguasai topik.

Majoriti pelajar seramai 11 orang (68.8%) mengatakan aktiviti dan latihan menggalakan mereka berfikir. Ini disebabkan soalan-soalan yang diberikan dipecah-pecahkan mengikut sub topik .

Setelah selesai satu-satu sub topik yang mereka pelajari baru diikuti dengan latihan dan aktiviti. Selubungan latihan dan aktiviti yang diberikan tidak dicampur adukkan dengan sub topik lain. Keadaan ini menyebabkan mereka memahami dengan lebih mendalam.

ii. Isi kandungan modul

Antara item-item yang akan dibincangkan berkaitan isi kandungan modul ialah adakah penyampaian dari segi bahasa dan tulisan mudah difahami? Dan adakah kandungan modul ini sesuai untuk pelajar bagi tujuan pemulihan?

- i. Penyampaian dari segi bahasa dan tulisan mudah difahami.

Dapatan kajian menunjukkan seramai 8 orang (50.0%) responden mengatakan baik dan 7 orang (43.8%) mengatakan amat baik penyampaian yang diberikan. Ini menunjukkan majoriti pelajar mengakui penggunaan modul ini dapat membantu dan memudahkan mereka memahami kedua-dua hukum tajwid, disebabkan cara penyampaian pengajaran yang digunakan mudah. Berdasarkan

temubual, penyelidik mendapati responden mengatakan mereka merasa sukar mengikuti pengajaran tajwid di dalam kelas biasa kerana:

- a. selama ini mereka belajar dengan menggunakan buku teks, sedangkan buku tersebut menggunakan penghantar tulisan jawi. Responden mengakui mereka sebenarnya lemah dalam penguasaan jawi. Mereka tidak mampu membaca ayat-ayat yang ditulis dalam tulisan jawi dengan baik dan lancar walaupun pada dasarnya mereka mengenali huruf-huruf jawi tersebut.
- b. Modul ini menerangkan sesuatu perkara dengan teratur dan terperinci dengan menggunakan tulisan rumi. Mereka dapat melihat dengan jelas urutan-urutan yang ditunjukkan di dalam modul berbanding dengan pengajaran guru di papan hitam.
- ii. Kandungan modul ini sesuai untuk pelajar bagi tujuan pemulihan.

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden (68.8%) mengatakan kandungan modul ini sesuai untuk pemulihan. Mereka berpendapat, disebabkan kandungan berkaitan dengan tajwid ini ditunjukkan dengan detail mengikut urutan, contoh-contoh yang diberikan diperjelaskan lagi dengan penerangan mengenai tempat dan keadaan bagaimana yang menyebabkan berlakunya hukum-hukum seperti dibulatkan atau ditunjukkan melalui anak panah tempat tersebut secara bertulis. Responden mengatakan mereka dapat melihat dengan jelas bagaimana terjadinya hukum tersebut seterusnya membantu memahami dan menguasainya dengan cepat.

iii. Cara persembahan

Persenyawaan yang di berikan oleh modul ini merangkumi susunan teks dan grafik, penggunaan nota sampingan, maklum balas dan motivasi dan kesinambungan dalam penyampaian nota adalah baik . Secara keseluruhannya responden mengatakan cara persembahan yang disampaikan oleh modul baik dan menyenangkan mereka mengikuti pembelajaran kecuali di bahagian susunan teks dan grafik. Dilihat kepada satu persatu berkaitan cara persembahan seperti berikut:

i. Susunan teks dan grafik dan nota sampingan

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mengatakan teks dan grafik bagi modul ini membantu mereka memahami pelajaran berkaitan di mana yang mengatakan baik (31.3%) dan amat baik (56.3%). Teks yang diberikan dengan menggunakan ayat pendek yang mudah, berbentuk nota-nota ringkas dan diterangkan dengan gabungan grafik seperti peta minda dan gambar-gambar yang dapat menarik minat pelajar. Teks dan grafik ini disusun mengikut turutan kandungan dan dibantu dengan nota sampingan sebagai tips untuk pelajar memahami lebih jelas apa yang ingin disampaikan. Nota-nota sampingan ini kebanyakannya menerangkan perkara berkaitan dengan maksud perkataan yang sukar kerana belajar tajwid banyak menggabungkan perkataan Bahasa Arab dengan Bahasa Melayu dan bagaimana penggunaan perkataan itu. Responden mengakui apabila mereka dapat memahami sesuatu perkataan dengan jelas, ia menjadikan pelajaran menarik dan dapat mengikutinya dengan cepat.

ii. Maklum balas dan motivasi

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden mengatakan dari segi maklum balas dan motivasi yang diberikan oleh modul ini keseluruhannya baik dan amat baik. Mereka berasa seronok dan puashati kerana setiap latihan yang di buat akan disemak dan diberi penerangan selanjutnya. Oleh itu mereka dapat mengetahui di mana kesilapan yang telah dilakukan di samping dapat membandingkan dan meneliti secara detail jawapan mereka dan jawapan yang disediakan.

iii. Kreativiti

Dapatan kajian menunjukkan dari segi kreativiti, 50% pelajar mengatakan ianya amat baik dan 31.7% mengatakan ianya baik. Cara persembahannya menarik dengan grafik dan gambar-gambar yang diselitkan. Cara peyampaian isi menggunakan pengurusan grafik dan peta minda. Huraian yang diberikan secara ringkas dan jelas. Susunan pengajaran dalam bentuk helaian demi helaian bagi setiap sari isi memudahkan mereka memahami topik tersebut. Cara penyampaian yang tidak mengelirukan.

iv. Penilaian keseluruhan modul

Item-item yang terlibat dalam penilaian keseluruhan modul ini ialah penggunaan peta konsep, panduan pengguna dan tanggapan umum terhadap modul secara keseluruhan. Dari dapatan kajian menunjukkan 31.3% mengatakan pelajar mengatakan penggunaan peta konsep adalah baik manakala 50% mengatakan ianya amat baik. Peta konsep ini diletakkan di helaian awal untuk memberi gambaran keseluruhan

pelajaran yang akan diikuti. Ini menjadikan pelajar dapat memahami konsep kandungan pelajaran yang akan mereka ikuti. Selain peta konsep Panduan pengguna juga dapat menarik minat di samping membantu mereka mengetahui bahagian mana yang sedang mereka ikuti. Simbol-simbol yang diberikan menunjukkan samada pelajar-pelajar tersebut sedang mengikuti penerangan nota atau latihan atau huraian dan semakan. Secara keseluruhannya majoriti pelajar mengatakan tanggapan umum mereka terhadap modul ini amat baik di mana 87.5% mengatakan tanggapan mereka pada tahap amat baik.

Rumusan dan implikasi

Berdasarkan dapatan-dapatan yang diperolchi dalam kajian ini, penyelidik dapat menyatakan bahawa modul pembelajaran sendiri ini dapat membantu pelajar yang lemah meningkatkan pemahaman dan penguasaan mereka berkaitan hukum tajwid. Peranan modul ini juga dapat menarik minat pelajar untuk belajar hukum tajwid seterusnya mengetahui cara bacaan al-Quran yang betul.

Selain itu ia juga mampu membantu pelajar-pelajar yang lemah dalam penguasaan jawi mengikuti pembelajaran dengan lancar kerana penerangan yang diberikan oleh modul menggunakan tulisan rumi. Kelemahan penguasaan tulisan jawi ini menyokong dapatan Maimunah (1995, p. 87), yang menyatakan penghayatan dan penguasaan ada kaitan rapat dengan kelemahan membaaca al-Quran dalam Pendidikan Islam kerana ia akan menjejaskan minat pelajar.

Selain dari kelemahan dalam tulisan jawi, dapatan kajian dari Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan menyatakan antara kelemahan pelajar dalam bacaan al-Quran dan tajwid kerana sikap masyarakat. Faktor utama dari sikap ibu bapa yang kurang menitik beratkan penguasaan al-Quran di kalangan anak-anak mereka disebabkan kesibukan bekerja dan sememangnya mereka sendiri kurang penghayatan baacaan al-Quran. Faktor kedua kerana sikap guru Pendidikan Islam itu sendiri yang kurang berusaha untuk menambah ilmu dan mempertingkatkan tahap bacaan al-Quran terhadap diri sendiri dan para pelajar. Di sebabkn kekurangan ilmu maka kacadah pengajaran al-Quran terhadap para pelajar tidak berjaya menarik minat dan membantu pelajar menguasai hukum tajwid dan bacaan al-Quran. Mereka berpendapat perlu ada cara yang boleh membantu para pelajar yang maasih ketinggalan dalam bacaan dan tajwid al-Quran.

Schubungan itu inisiatif yang diambil adalah dengan menghasilkan modul ini, ia bertujuan membantu para pelajar dalam peningkatan dan penguasaan tajwid. Dari segi teknik penerangan yang digunakan dengan cara memberi pejelasan satu persatu tentang hukum yang berkaitan dan ditunjukkan lebih jelas dengan ontoh-contohnya.

Manakala dari segi strategi untuk mengetahui kesesuaian dan keberkesanan modul ini antara caranya menyenaraikan perkara-perkara yang perlu dinilai dan mendapatkan maklum balas terus dari pelajar. Berdasarkan penilaian, didapati modul ini berjaya meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap hukum tajwid terpilih. Memandangkan penggunaan modul ini memberi peluang pelajar belajar mengikut tahap kemampuan masing-masing dengan mudah jadi sambutannya amat

menggalakkan. Kesan selepas penggunaan modul para pelajar mendapat semangat dan keyakinan untuk belajar di samping merasa seronok dengan penggunaan modul yang menarik dengan penggunaan grafik, maklum balas dan motivasi. Oleh kerana penghasilan modul tajwid sebegini adalah satu fenomena baru, penggunaannya kurang menggalakkan. Ini mungkin untuk menghasilkan modul begini agak sukar berbanding dengan buku-buku tajwid yang ringkas penerangannya. Walau bagaimanapun penghasilan dan penggunaan modul ini tetap penting bagi membantu pelajar yang lemah dan berprestasi rendah.

Cadangan-cadangan

Berikut adalah beberapa perkara yang dicadangkan:

1. Adalah dirasakan perlu bagi pihak kementerian pendidikan mengambil inisiatif memberi kursus kepada guru-guru Pendidikan Islam untuk menghasilkan modul pembelajaran sendiri bagi membantu pelajar-pelajar yang lemah bagi tujuan pemulihan. Ini akan dapat memberikan masa yang lebih kepada pelajar menumpukan perhatian mereka terhadap pelajaran yang sukar diikuti bersama-sama dengan pelajar yang lebih pandai.
2. Masalah utama yang dihadapi oleh pelajar juga berkaitan kelemahan tajwid ini kerana lemah memahami dan menguasai tulisan jawi. Schubungan itu dirasakan perlu dititik beratkan mengenainya dengan mewujudkan sautu masaa dalam maata pelajaran pendidikan Islam belajar jawi. Penggunaan buku teks dalam tulisan jawi yang digunakan sekarang perlu lebih ditekankan.

3. Para guru pendidikan Islam perlu mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar bertujuan supaya para pelajar dapat melihat dan menghayati tajwid al-Quran dengan betul contohnya penggunaan video, pita rakaman atau kaedah mengikut bacaan guru secara langsung.
4. Ibu bapa perlu mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kelemahan anak-anak mereka dalam bacaan dan tajwid al-Quran. Mereka seharusnya mengajar sendiri anak-anak membaca al-Quran di rumah atau bagi anak-anak yang belajar membaca al-Quran oleh para guru al-Quran perlu memberi galakan memastikan anak-anak mengulangi bacaan tersebut di rumah.

Kesimpulan

Penggunaan modul pembelajaran sendiri yang dihasilkan sesuai dan dapat membantu peningaktan pemahaman dan penguasaan pelajar dalam hukum tajwid yang dirasakan sukar oleh mereka sebelum ini. Penyelidik mendapati ia sesuai digunakan dalam pembelajaran pemulihan untuk membantu pelajar-pelajar yang lemah kerana mereka dapat menggunakan modul tersebut berdasarkan kemampuan masing-masing mengikut tahap sendiri.